

# Dalami gabungan sastera, seni lepas ijazah dalam tangan



**LANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT SARJANA:** Cik Nadia ditemani ibunya, Cik Junaidah Jaafar, dan kakaknya, Cik Siti Nur Faizah, di konvoikesennya baru-baru ini. Beliau kini mengikuti program sarjana bahasa Inggeris di NTU sambil bekerja sebagai penyelidik sepuh masa di sana. — Foto NTU

► NUR FATHIN AWALLUDIN  
nrfathin@spoh.com.sg

MEMBACA menjadi sebuah kehidupannya sejak kecil.

Semasa beliau masih seorang kanak-kanaknya, kakak Cik Siti Nadia Yanti Alang M. K. selalu membaca buku cerita kepada dia sebelum beliau tidur.

Apabila ibunya ke pasar raya pulia, Cik Nadia ikut sama – hanya kerana mahu singgah di kedai buku Popular untuk membeli buku baru.

“Apa yang saya gemar tentang membaca ialah saya dapat menyelamai mina minda orang lain, dan banyak perkara yang boleh dipelajari daripada orang itu.

“Saya boleh belajar cara penggunaan bahasanya, dapat melihat daripada sudut pandangannya dan mengetahui emosinya,” kata anak bongsu dari empat adik-beradik itu.

Tidak hairanlah Cik Nadia, 24 tahun, memilih jurusan kesusastraan Inggeris dan sejarah seni ketika mewujud di Universiti Teknologi Negeri (NTU).

Beliau, yang mula pengajian pada 2016, mendapat ijazah sarjana muda seni baru-baru ini pada majlis konvoikesen universiti itu.

Namun, perjalanan pendidikannya tidak tamat di situ – Cik Nadia kini mengikuti program sarjana bahasa Inggeris di NTU sambil bekerja sebagai penyelidik sepuh masa di sana.

Beliau menerima geran tuyisyen

“Apa yang saya gemar tentang membaca ialah saya dapat menyelamai mina minda orang lain, dan banyak perkara yang boleh dipelajari daripada orang itu. Saya boleh belajar cara penggunaan bahasanya, dapat melihat daripada sudut pandangannya dan mengetahui emosinya.”

– Cik Siti Nadia Yanti Alang M. K., siswazah kesusastraan Inggeris dan sejarah seni.

dari NTU, membolehkannya belajar sambil bekerja dalam bidang penyelidikan.

Tugasnya? Membaca novel sam-bil menyiasat hubungannya dengan lukisan.

Isa sebahagian projek berkaitan sastera dan seni, jelas beliau.

Tugasnya itu tidak jauh beza daripada apa yang dipelajarinya di universiti ketika mengikuti program kesusastraan Inggeris dan sejarah seni (ELAH).

“Program itu memberi saya pandangan berharga tentang dua dunia yang tampak berbeza – seni dan sejarahnya serta sastera dengan kerumitannya.

“Ternyata, kajian menunjukkan kedua-duanya berasal daripada falsafah Yunani dan sudah banyak yang dipelajari mengenai gabungan seni dan sastera,” ujar beliau.

Seperi kesusastraan, seni, termasuk lukisan dan persembahan, “mengundang kita ke dalam serangkaian makna dan kita dapat pilih apa yang hendak kita lihat”, katanya.

Semasa di universiti, Cik Nadia giat dalam produksi teater dan merupakan anggota jawatankuasa Hall 4 Muse Productions sebagai penolong pengarah pada 2017 dan kemudian pengarah bersama pada 2019.

Antara lain, beliau menulis skrip bagi persembahan teater yang mengentengahkan isu penyakit mental seperti skizofrenia, gangguan obsesi-kompulsif, gangguan tekanan pascatrauma dan kemurungan.

Mengenai rancangan masa depan, Cik Nadia berkata:

“Saya dapat melihat diri saya dalam bidang akademik bagi jangka masa lama... dan juga selaras dengan beberapa matlamat kehidupan saya, iaitu mengajar sastera dan menulis buku.”